

30 JUL 2001

Parlimen-Perlembagaan

RAIS BENTANG CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim hari ini membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2001 di Dewan Rakyat bertujuan antara lain memasukkan perkataan jantina dalam Perkara 8 untuk mengelakkan diskriminasi jantina.

Rang undang-undang itu dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat dan dijangka dibentangkan bagi bacaan kedua dan dibahaskan esok.

Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir melainkan jika dibenarkan oleh perlembagaan.

Cadangan pindaan itu ialah untuk menambahkan perkataan jantina kepada alasan berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata pindaan itu bertujuan menentukan wanita mendapat hak sama rata dengan kaum lelaki sebagai warganegara.

Cadangan pindaan rang undang-undang juga memperuntukkan bahawa jika seseorang senator meninggal dunia atau terhenti memegang jawatan sebelum tamat tempoh lantikan atau dipilih, penggantinya hanya boleh memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya.

Turut diperuntukkan dalam pindaan undang-undang itu ialah Jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dijadikan jawatan sepenuh masa memandangkan beban kerja yang kian bertambah.

Fasal (1) Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan pula dicadangkan dipinda bagi menambah bilangan anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) daripada tiga kepada lima orang anggota biasa, selain pengerusi dan timbalan pengerusi yang sedia ada.

Rang undang-undang itu akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan lagi.

-- BERNAMA

NZ SHS NZ RON